

Tingkatkan kemahiran pengauditan industri halal bersama UNISSA



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa mengadakan Upskilling & Reskilling Programme : 'Halal Internal Auditing Workshop' pada 6 Ogos lalu, di Bilik Bankuet, UNISSA, yang dihadiri oleh seramai 18 peserta.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Dalam usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pengauditan khusus dalam bidang industri halal, dengan memberikan kefahaman mengenai kaedah pengurusan program audit dalaman, bermula daripada peringkat perancangan hingga penulisan laporan juga untuk memahami komponen-komponen produk halal, Universiti Islam Sultan

Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Upskilling & Reskilling Programme : 'Halal Internal Auditing Workshop' pada 6 Ogos lalu, di Bilik Bankuet, UNISSA. Bengkel tersebut diadakan bermula dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang, disampaikan oleh Dr. Mohd. Shahril bin Ahmad Razimi; dan Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim.

Seramai 18 peserta, terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian, pelajar dan orang-orang persendirian menyertai bengkel berkenaan.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai program tersebut, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian +673 2462000 sambungan 204 / 202 atau melayari laman sesawang www.unissa.edu.bn atau menghantar e-mel ke CAL@unissa.edu.bn.

Sifat terpuji adalah akhlakul karimah

BELAIT, Sabtu, 8 Ogos. - Sebagai umat Islam, kita hendaklah berusaha memperbaiki diri ke arah kebaikan dan meningkatkan pengabdian diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dalam memperbaiki pelbagai kekurangan, memajukan diri ke arah kesempurnaan dan berpegang teguh dengan ajaran Islam.

Insan berakhlak mulia akan sentiasa menjaga adab, tingkah laku juga tutur katanya supaya tidak menyakiti orang lain, malah sentiasa berusaha memberikan manfaat kepada orang yang berada di sekelilingnya.

Abu Darda berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Amal yang menjadikan timbangan seorang Mukmin berat pada Hari Kiamat adalah akhlak mulia".

Akhlak mulia merupakan sifat yang perlu dihidupkan dalam diri Muslim dan Muslimah, antaranya ketakwaan, keikhlasan, bercakap benar (*al-sidq*), amanah, adil, syukur, sabar, pemurah dan berani.

Orang-orang Islam mesti



INSAN berakhlak mulia akan sentiasa menjaga adab, tingkah laku juga tutur katanya supaya tidak menyakiti orang lain, malah sentiasa berusaha memberikan manfaat kepada orang yang berada di sekelilingnya.

meninggalkan sifat tercela, seperti munafik, syirik, khianat, zalim, bohong, riak, menipu, hasad dengki, melakukan perkara keji dan mungkar.

Salah satu daripada sekian banyak sifat terpuji, menurut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, adalah *akhlakul karimah*.

DARI MAHKAMAH

Dipenjara 6 bulan kerana dadah

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Seorang wanita tempatan, Norhafizah binti Haji Nordeen mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman enam bulan penjara atas enam pertuduhan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan hukuman tersebut di Mahkamah Majistret, di ibu negara.

Pertuduhan-pertuduhan adalah bagi kesalahan di bawah Seksyen 6(b) memakan dadah terkawal dan di bawah Peraturan 12(2)(a) akta yang sama yang diluluskan oleh Institusi Rawatan dan Pemulihan, 1987.

Norhafizah, berumur 31 tahun dan tidak bekerja, didakwa terlibat memakan dadah terkawal jenis 'A' Methylamphetamine pada 14 September 2019.

Defendan juga gagal melapor diri kepada Pegawai Pengawasan Biro Kawalan Narkotik (BKN) pada 23; dan 30 September 2019, termasuk 7; 14; dan 21 Oktober 2019.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Ainorazimah binti Zabidi, menyatakan defendan tidak mempunyai rekod kesalahan di bawah Seksyen 6(b) dan 12(2)(a) akta yang sama sebelum ini.

Didenda kerana dadah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND4,000 atau lima bulan dua minggu penjara kepada Mohamad Shamri bin Awang Mauni @ Maruni.

Majistret Kanan Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman menjatuhkan hukuman tersebut di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Mohamad Shamri, warga tempatan, berumur 40 tahun didakwa melakukan kesalahan itu dalam serbuan di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Tungku, Gadong pada 25 Mac 2015.

Pada hari berikutnya, defendan menjalani ujian air kencing, di mana hasil ujian tersebut didapati mengandungi positif dadah.

Dalam kenyataan pendakwaan yang dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Ainorazimah binti Zabidi menyatakan defendan terlibat di bawah Seksyen 6(b) memakan dadah terkawal Methylamphetamine dan sebelum ini, defendan tidak mempunyai rekod Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

Baginda bersabda, "Saya tidaklah diutus, kecuali untuk menyempurnakan akhlak".

Akhlak bukanlah sekadar budi pekerti, tingkah laku, atau kesopanan. Budi pekerti adalah buatan manusia, namun akhlak Islam bagi seorang Muslim dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Akhlak bersifat mutlak, universal dan berlaku untuk setiap zaman. Antara akhlak baik ialah bersikap jujur, iaitu suatu tingkah laku yang didorong oleh keinginan *nawaitu* yang baik dengan tujuan tidak mendatangkan kerugian bagi dirinya mahupun orang lain.

Berperilaku baik bermaksud berbuat suatu reaksi baik terhadap lingkungan dengan cara yang terpuji.

Memiliki sifat malu dengan meninggalkan perbuatan-

perbuatan buruk dan tercela, hingga mampu menghalangi seseorang untuk melakukan dosa dan maksiat juga dapat mencegah seseorang untuk melalaikan hak orang lain.

Milik rasa rendah hati dengan meletakkan dirinya setara dengan orang lain dan tidak berasa lebih tinggi daripada orang lain.

Bermurah hati dengan memberi tanpa berasa terpaksa atau setakat ingin mempamerkan kemurnian hati.

Dan bersabar dalam menahan diri ketika menerima segala sesuatu yang menimpa diri sendiri.

Kesimpulannya, Allah menjanjikan syurga bagi orang yang baik akhlaknya kerana itu disebut pada hadis sahih bahawa orang-orang yang baik akhlaknya tidak akan dimasukkan ke dalam neraka.